

Lampiran 3



NAMA :

NO. KAD PENGENALAN :

KRITERIA UMUM CALON NAIB CANSELOR UUM

BIL	KRITERIA	PENCAPAIAN
1	Kecemerlangan Akademik Pemohon mestilah mempunyai kelayakan Ph.D, mendapat <i>command of respect</i> dari kalangan rakan sejawat, mempunyai rekod cemerlang dalam penyelidikan, penerbitan jurnal berwasiat antarabangsa, inovasi dalam pengajaran dan cemerlang dalam khidmat profesional.	
2	Pengiktirafan Antarabangsa Pemohon mestilah diiktiraf oleh <i>peers</i> antarabangsa sebagai pakar dalam bidangnya, mempunyai jaringan antarabangsa yang kukuh, pernah menerima pelbagai anugerah dan pengiktirafan dari organisasi terkemuka luar negara.	
3	Kebolehan Memimpin dan Mengurus Pemohon mestilah mempunyai <i>people skills</i> yang boleh meneraju transformasi, mempunyai gagasan, visi dan misi serta mampu menggerakkan komuniti kampus ke arah budaya kecemerlangan akademik. Ditambah dengan kemahiran komunikasi dan interpersonal yang mantap. Pengalaman dan rekod cemerlang pimpinan akademik merupakan antara ciri utama dalam menentukan kebolehmampuan calon.	

4	<p>Reputasi</p> <p>Menjadi <i>role model</i> kepada semua peringkat staf, mempunyai pengalaman dan <i>proven track record</i> serta disanjung baik serta dihormati oleh masyarakat kampus dan luar.</p>	
5	<p>Personaliti</p> <p>Pemohon mestilah seorang yang berwibawa, berkarisma, bersahsiah tinggi, <i>team player</i> serta mempunyai motivasi dalaman untuk memacu kecemerlangan Universiti. Pemohon juga mestilah memahami aspirasi Negara untuk membangunkan modal insan mentaliti kelas pertama.</p>	
6	<p>Berfikiran Jauh dan Kritis</p> <p>Pemohon mestilah berkemampuan untuk berfikiran jauh dalam menentukan hala tuju dan visi pembangunan dan kecemerlangan organisasi selain mempunyai kemampuan untuk menganalisa, mensintesis dan membuat penilaian secara holistik dalam menyelesaikan masalah.</p>	
7	<p>Berintegriti</p> <p>Pemohon perlulah mempunyai tahap integriti yang tinggi, tidak pernah terlibat dalam mana-mana kesalahan jenayah dan tata tertib serta bertanggungjawab sepenuhnya terhadap jawatan dan peranan yang diamanahkan.</p>	
8	<p>Kapasiti Menjana Pendapatan</p> <p>Pemohon mestilah mempunyai minda keusahawanan seperti cekap melihat peluang, berani mengambil risiko bagi meneroka peluang-peluang baharu serta berfikiran kreatif dan inovatif dalam menggunakan sumber secara optimum untuk menjana pendapatan Universiti.</p>	

9	Menghayati Agenda Nasional Pemohon perlu menangani perubahan dan membawa organisasi ke arah kecemerlangan serta bersedia untuk melaksanakan transformasi demi melonjakkan reputasi organisasi. Pemohon juga perlu mampu untuk menghargai kepelbagaian serta merealisasikan dasar-dasar negara dan agenda nasional.	
10	Lain-lain kriteria yang bersesuaian dengan bidang tumpuan UUM iaitu Pengurusan.	